

**UCAPAN YBHG. DATO' SRI  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**MAJLIS PERASMIAN SIMPOSIUM  
KONTRAKTOR DAN USAHAWAN  
BAHAN BINAAN BUMIPUTERA 2015**

**PADA 3 NOVEMBER 2015 (SELASA)  
DI SHAH ALAM CONVENTION CENTER  
(SACC)**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia dan Salam Sehati Sejiwa

### **(PENDAHULUAN)**

1. Pertama-tamanya saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita sama-sama berkumpul pada hari ini sempena majlis perasmian “Simposium Kontraktor & Usahawan Bahan Binaan Bumiputera 2015” anjuran Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan (BPKU), Kementerian Kerja Raya dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak urus setia kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan program pada hari ini. Tahniah juga saya ucapkan kepada urus setia bersama program ini iaitu TERAJU, Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) dan Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelas F (PERKOBF) yang telah berusaha dalam memastikan program ini dapat dilaksanakan jua. Semangat kesepakatan dan komitmen ini wajar diteruskan dan menjadi budaya positif yang sentiasa diamalkan selalu supaya hasil daripada kerjasama sebegini dapat memberi peluang kepada rakyat dalam mengecapi nikmat pembangunan negara.

### **(PENGLIBATAN BUMIPUTERA DALAM SEKTOR PEMBINAAN)**

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Sektor pembinaan terus menjadi semakin penting berikutan peningkatan permintaan terhadap infrastuktur yang semakin cekap dan moden, selari dengan perkembangan pembangunan negara bagi membolehkan kita menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Kita sedang memasuki era RMKe-11 dengan banyak peluang-peluang kerja dan projek yang telah dirancang oleh Kerajaan Persekutuan. Dianggarkan sektor pembinaan akan terus berkembang dan akan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020. Ini seterusnya memberi manfaat kepada pemain-pemain industri binaan yang terdiri daripada kontraktor, perunding dan usahawan/pengusaha bahan binaan.

4. Dalam memperkatakan perjuangan kita membangunkan negara, kita senantiasanya menyebut Wawasan 2020 bertujuan untuk membina sebuah negara maju yang bangsanya dihormati dan disegani di mata dunia. Dari segi Agenda Bumiputera dalam konteks Wawasan 2020, saya melihat satu aspek penting ialah dasar pembangunan negara yang mensasarkan penyertaan kaum Bumiputera yang lebih saksama dalam sektor korporat supaya kita juga dapat berkongsi dalam menikmati penjanaaan kekayaan negara. Pada majlis hari ini, saya merasa sangat bangga kerana di hadapan saya ini terhimpun barisan kontraktor dan usahawan binaan Bumiputera yang mempunyai

peranan yang amat signifikan dalam menyumbang kepada perkembangan industri pembinaan di Malaysia.

### **(PENGISIAN PROGRAM SIMPOSIUM)**

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Program Simposium Kontraktor & Usahawan Bahan Binaan Bumiputera 2015 merupakan sebahagian daripada program-program latihan dan pembangunan penggiat industri binaan Bumiputera yang perlu dilaksanakan bagi memastikan kontraktor dan usahawan binaan Bumiputera sentiasa berkemahiran dan mempunyai pengetahuan yang meluas dalam industri pembinaan.

6. Secara keseluruhannya, program ini dilaksanakan dengan matlamat untuk melahirkan usahawan binaan Bumiputera yang lebih berdaya saing hingga ke peringkat antarabangsa. Objektif penganjuran program ini adalah seperti berikut:

(i) Memberi pendedahan terhadap isu dan cabaran yang dihadapi oleh usahawan Bumiputera dalam industri binaan terhadap pelaksanaan projek-projek agensi Kerajaan dan swasta;

(ii) Mencadangkan peluang-peluang baru di dalam industri pembinaan yang sekaligus dapat mengurangkan kebergantungan usahawan binaan Bumiputera kepada projek-projek kerajaan;

(iii) Mempromosikan produk bahan binaan keluaran usahawan Bumiputera kepada kontraktor dan agensi pelaksana;

(iv) Membina jaringan niaga di kalangan usahawan industri binaan Bumiputera dan seterusnya menyumbang ke arah pertumbuhan mapan ekonomi negara; dan

(v) Mengetengahkan kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berprestasi tinggi serta tulin kepada Agensi Pelaksana Projek-Projek sektor awam.

7. Di samping itu, program-program seumpama ini, dijangka akan dapat memberi peluang kepada kontraktor Bumiputera untuk meluaskan pasaran dan jaringan perniagaan di kalangan usahawan binaan dan jalinan kerjasama di antara kontraktor binaan dan usahawan bahan binaan Bumiputera.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Sebagai agensi Kerajaan yang bertanggungjawab untuk memastikan keupayaan usahawan-usahawan binaan Bumiputera terus dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa, Kementerian Kerja Raya melalui BPKU dan CIDB telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan simposium ini. Disamping pembentangan-pembentangan kertas kerja yang disusun, simposium ini juga akan diselitkan dengan Majlis Pelancaran 'Blue

Pages' direktori usahawan bahan binaan Bumiputera yang akan dilancarkan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara pada hari esok, 4 November 2015. 'Blue Pages' ini bertujuan untuk mempromosikan produk keluaran usahawan Bumiputera supaya kualiti dan kuantiti produktiviti mereka dapat ditingkatkan dalam industri pembinaan seterusnya mengurangkan kebergantungan terhadap pengusaha bukan Bumiputera dan syarikat asing dalam sektor pembekalan bahan binaan negara.

9. Selain itu, satu majlis makan malam juga akan diadakan pada malam ini bagi memberikan pengiktirafan kepada 22 orang kontraktor Bumiputera berprestasi tinggi dari gred G7 yang telah dipilih sebagai kontraktor yang berdaya saing dan berkemampuan untuk menjalankan sebarang projek kerajaan mahu pun swasta. Kesemua pengisian bagi program ini sebenarnya merupakan suatu bentuk penghargaan kepada penggiat industri binaan Bumiputera yang selama ini telah pun menyumbang kepada perkembangan industri pembinaan negara.

### **(IMPAK PELAKSANAAN PROGRAM SIMPOSIUM)**

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Melalui pengisian-pengisian yang telah dirancang sepanjang dua hari berlangsungnya simposium ini, penyertaan kontraktor Bumiputera sebagai peserta program ini adalah selari dengan hasrat Kementerian Kerja Raya untuk membantu golongan ini bersaing di dalam industri binaan negara. Ini adalah selari dengan harapan Kerajaan sepertimana yang telah termaktub di dalam *Construction Industry Transformation Program* (CITP). Melalui program ini juga, Kementerian berpeluang untuk mempromosikan hasrat Kerajaan yang terkandung di dalam CITP ini kepada pemain-pemain Bumiputera agar mereka lebih sedar tentang usaha-usaha Kementerian untuk membangunkan industri binaan negara.

11. Selama dua hari berada di sini, tuan/puan juga berpeluang untuk meningkatkan pengetahuan dan kompetensi melalui kertas-kertas kerja yang dibentangkan oleh "*top industry player*" seperti CIDB, Jabatan Kerja Raya dan lain-lain. Ini secara tidak langsung memberikan peluang kepada tuan/puan untuk mengetahui polisi terkini dalam industri pembinaan. Di samping itu, melalui program ini juga Kementerian berusaha menyediakan platform kepada penggiat industri binaan Bumiputera untuk mendapat maklumat yang tepat berkaitan peluang-peluang baru di dalam industri pembinaan yang akan dilaksanakan oleh pihak swasta seperti Mass Rapid Transit (MRT). Ini sekaligus dapat mengurangkan kebergantungan penggiat industri binaan Bumiputera kepada projek-projek Kerajaan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Selaku '*key player*' dalam industri pembinaan, kontraktor dan usahawan binaan merupakan dua tonggak utama yang tidak dapat dipisahkan dalam rantai ekosistem sektor pembinaan. Kementerian telah melihat penglibatan dua tonggak ini dan dari situ

timbullah keperluan diwujudkan 'Blue Pages' sebagai satu direktori usahawan bahan binaan Bumiputera yang akan digunakan sebagai '*promotional tool*' oleh usahawan bahan binaan kepada kontraktor Bumiputera. Secara tidak langsung, ini akan menggalakkan penggunaan bahan binaan dan seterusnya membina "*networking*" di antara usahawan bahan binaan dengan kontraktor Bumiputera dari seluruh negara. Di samping itu, rantaian '*supply-chain*' di kalangan kontraktor dan usahawan binaan Bumiputera akan lebih berkembang dan mendatangkan manfaat kepada kedua-dua pihak.

13. Melalui penganjuran simposium ini juga, Kementerian berhasrat untuk menyediakan platform kepada usahawan bahan binaan Bumiputera untuk mempamerkan dan mempromosikan produk dan seterusnya meningkatkan nilai jualan melalui penyediaan ruang pameran yang telah disediakan.

### **(AMANAT KEPADA PENGGIAT INDUSTRI BINAAN BUMIPUTERA)**

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Seiring dengan arus pembangunan, negara kita kini memerlukan lebih ramai penggiat industri binaan yang berani melangkah jauh ke hadapan dan menjadi tonggak kepada industri pembinaan negara. Kontraktor dan usahawan binaan Bumiputera perlu mempunyai pemikiran positif, strategik dan berilmu pengetahuan dalam bidang perniagaan bagi menghadapi persaingan global. Saya percaya ramai di kalangan kontraktor seperti tuan/puan telah berjaya mengharungi perit dan asam garam dalam dunia pembinaan sebelum mempunyai syarikat pembinaan sendiri dan seterusnya bergelar usahawan Bumiputera yang berjaya. Saya juga percaya bahawa cabaran-cabaran inilah menguatkan tuan/puan untuk terus bersaing secara sihat di dalam industri ini.

15. Masanya sudah sampai untuk para penggiat industri melabur dan berusaha mendapat teknik pembinaan terkini serta teknologi yang canggih yang mampu menyumbang kepada pembinaan yang berkualiti, produktiviti yang tinggi serta persekitaran pembinaan yang lebih kondusif dan bersih. Dalam hal ini, pihak kontraktor khususnya tiada lagi pilihan lain selain meningkatkan kepakaran serta kemahiran sedia ada dan mengambil langkah-langkah transformasi dalam menghadapi saingan ini.

16. Saya juga berpandangan bahawa majoriti kontraktor yang ada di Malaysia adalah berkualiti. Walau bagaimanapun, di era transformasi ini menjadi kontraktor yang berkualiti sahaja tidak mencukupi dalam menghadapi cabaran serta saingan dalam persekitaran ekonomi yang semakin kompleks. Saya merasakan kita perlu melahirkan lebih ramai kontraktor bertaraf dunia bukan sahaja sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran serta saingan tetapi juga untuk mengangkat industri pembinaan negara ke tahap yang lebih membanggakan.

17. Insya Allah, Kementerian Kerja Raya melalui BPKU, CIDB bersama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain akan terus meningkatkan lagi usaha dalam

membantu penggiat industri binaan Bumiputera yang berkeelayakan dan berpotensi untuk maju ke hadapan dengan inisiatif dan program pembangunan kontraktor yang disediakan. Secara keseluruhannya, Kerajaan sentiasa peka dengan keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh tuan/puan dan akan terus memberi sokongan sewajarnya dalam bentuk menyediakan peluang dalam projek-projek pembangunan Kerajaan, GLCs dan sektor swasta disamping ruang untuk bersaing secara sihat dalam mendapatkan kerja-kerja yang ditawarkan.

## **(PENUTUP)**

Hadirin yang dihormati sekalian,

18. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan kepada barisan urus setia program yang di terajui oleh BPKU, Kementerian Kerja Raya agensi-agensi lain yang telah membantu dan bertungkus-lumus bagi memastikan kelancaran dan kejayaan program ini. Semoga usaha tuan/puan semua untuk mengangkat martabat bangsa akan terus diberkati oleh Allah S.W.T. Kepada semua peserta juga saya ucapkan selamat ber-simposium dan semoga kehadiran tuan/puan ke program ini akan berjaya mencapai objektif yang seperti mana yang telah dirancang. Janganlah lupa untuk terus bersama-sama hadir esok di Dewan ini bagi acara Perasmian Penutupan yang akan disempurnakan oleh YBhg Tan Sri Ketua Setiausaha Negara sebagai tanda hormat dan sokongan padu kepada kepimpinan tertinggi sector awam yang sentiasa mendorong kejayaan kontraktor dan usahawan binaan Bumiputera.

19. Sehubungan itu, dengan lafaz *Bismillah*hirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan "Simposium Kontraktor & Usahawan Bahan Binaan Bumiputera 2015".

20. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.